

## TAHAP GELAGAT DALAM KALANGAN GURU-GURU PENDIDIKAN ISLAM MEMBAYAR ZAKAT PENDAPATAN DI KEDAH

Muhamad Amar Mahmad<sup>1\*</sup> & Nik Mohd Sofri Nik Abdul Hamid<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains,  
Universiti Utara Malaysia, Kedah, MALAYSIA

<sup>2</sup>Jabatan Pengajian Am, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Pauh Putra,  
02600 Arau, Perlis, MALAYSIA

\*e-mel: m.amar@uum.edu.my

**Published:** 23 June 2022

**To cite this article (APA):** Mahmad, M. A., & Nik Abdul Hamid, N. M. S. (2022). Tahap Gelagat dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Islam Membayar Zakat Pendapatan di Kedah. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(1), 35–40. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.1.5.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.1.5.2022>

### ABSTRAK

Hukum zakat pendapatan adalah suatu hukum yang baru dan ia tidak disepakati sejak sekian lama dalam kalangan cendikiawan Islam. Dalam konteks Malaysia ia diperbincangkan sejak akhir tahun 1970-an dan awal 1990-an dan konsepnya telah mula diterima dan mula dilaksanakan. Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bertarikh 22 Jun 1997 bersetuju bahawa zakat ke atas pendapatan penggajian adalah wajib bagi orang yang layak mengeluarkan zakat dan pada masa ini anjakan paradigma telah berlaku dalam institusi zakat di Malaysia apabila zakat pendapatan diangkat sebagai sumber baru. Walau bagaimanapun terdapat sebahagian besar dalam kalangan pekerja awam dan swasta yang tidak membayar zakat pendapatan termasuk kalangan guru-guru di Kedah terutama opsyen pendidikan Islam dengan alasan-alasan tertentu. Berdasarkan kepada permasalahan ini, kajian telah dijalankan untuk melihat sejauh mana tahap gelagat mengeluarkan zakat pendapatan dalam kalangan guru-guru pendidikan Islam di Kedah. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan (borang soal selidik) dengan menggunakan sampel kajian seramai 141 orang responden yang terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam di Kedah serta temubual dengan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Dakwah dan Kutipan LZNK. Hasil kajian menunjukkan tahap gelagat membayar zakat pendapatan berada pada tahap yang sederhana. Oleh yang demikian pihak LZNK perlu mencari inisiatif bagi menggalakkan golongan teramai iaitu dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam perlu diberi perhatian. Hal ini penting kerana zakat pendapatan bukan hanya sekadar membantu masyarakat yang memerlukan malahan untuk membersihkan pendapatan yang diperolehi serta sebagai satu ibadah perlu dilakukan untuk bekalan di akhirat kelak.

**Kata Kunci:** Zakat Pendapatan, Gelagat, Guru-Guru Pendidikan Islam, Kedah

### PENGENALAN

Allah SWT sengaja menjadikan kepelbagaian manusia dari sudut tahap dan tarafnya. Kepelbagaian ini membolehkan wujudnya perasaan ihsan seperti bekerjasama, tolong menolong dan sebagainya. Atas dasar ini maka disyariatkan kefardhuan zakat ke atas mereka yang mampu untuk diberikan kepada yang memerlukan sebagai suatu jalinan sosial. Mereka yang layak memerlukan itu telah dinyatakan dengan jelas di dalam al-Quran yang terdiri daripada lapan golongan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, hamba sahaya, orang yang berhutang, jihad *fi sabillah* dan *Ibnu Sabil*. Penegasan ini menandakan bahawa zakat adalah merupakan suatu sumber yang sangat penting untuk setidak-tidaknya mengurangkan kadar jumlah peratusan kemiskinan dan dalam masa yang sama menjaga akidah dan pegangan mereka. Sebagaimana hadis nabi yang diriwayatkan oleh at-tirmizi bermaksud “kemiskinan

boleh membawa kepada kekufturan". Dalam hal ini juga menunjukkan bahawa Islam menggalakkan supaya umatnya menjadi kaya namun dalam masa yang sama tidak mengabaikan hubungan dengan pencipta sekalian alam.

Justeru, maka ditetapkan di dalam syariat Islam dengan pelbagai jenis zakat antaranya ialah zakat pendapatan walaupun ada perselisihan dikalangan para fuqaha di dalam mewajibkannya. Perselisihan tersebut disebabkan isu ini adalah tidak wujud sebelum ini kerana situasi pekerjaan pada waktu itu berbeza dengan sekarang. Zakat pendapatan ialah gaji perolehan daripada hasil pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang untuk pihak lain sama ada kerajaan, syarikat atau perseorangan dengan memperoleh upah atau gaji sebagai ganjaran dari pekerjaan tersebut. Walaubagaimanapun terdapat beberapa dalil umum yang menjelaskan kewajipan tersebut sebagaimana firman Allah yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil yang baik yang telah kamu usahakan dan sebahagian dari apa yang Kami telah keluarkan dari bumi untuk kamu" (Surah Al-Baqarah 2: 267). Penjelasan hukum zakat *Mal al-Mustafad* dalam ayat ini adalah menjurus kepada penafsiran "*ma kasabtum*". Menurut 'Abdullah ibn 'Abbas, 'Ali bin Abi Talib dan al-Tabari menyatakan perkataan tersebut sebagai orang yang mengusahakan sesuatu dengan bersusah payah atau senang untuk mengumpulkan emas dan perak (al-Tabari, t.t.).

Artikal ini akan memfokuskan kepada zakat pendapatan dalam kalangan guru-guru agama di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia di Kedah sahaja. Kajian ini dilakukan kerana di dalam penjawat awam di Malaysia secara amnya dan di Kedah khasnya guru adalah profesion yang paling ramai. Statistik terkini jumlah guru-guru tersebut adalah 421,828 di seluruh Malaysia dengan sekolah rendah mewakili sebanyak 239,850 dan di sekolah menengah pula adalah sebanyak 181,978. Sekiranya golongan ini mempunyai kefahaman untuk mengeluarkan zakat pendapatan dengan cara memotong gaji atau sebagainya sudah tentu jumlah kutipan pusat zakat khususnya di Kedah akan meningkat jumlahnya. Ini terbukti berdasarkan kepada data bermula dari tahun 2013 sehingga 2017 menunjukkan peningkatan yang begitu tinggi iaitu masing-masing RM122 juta, RM128 juta, RM133 juta dan RM140 juta. Kadar peningkatan ini disebabkan oleh bertambahnya pengeluar zakat untuk zakat pendapatan dari tahun ke tahun. Namun begitu, data menunjukkan hampir 44 peratus kakitangan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kedah termasuk guru gagal membayar zakat pendapatan mereka tahun lepas (2020). Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Zakaria Othman berkata, daripada 27,000 kakitangan jabatan berkenaan hanya 18,904 orang yang membayar zakat melibatkan kutipan berjumlah RM18.6 juta (Sinar Harian, 10 Julai 2017). Sejajar dengan permasalahan ini, artikel ini akan membincangkan tentang sejauhmanakah kebenaran artikel daripada laporan akhbar tersebut. Apakah benar guru-guru tidak patuh dalam membayar zakat pendapatan?

## GELAGAT MEMBAYAR ZAKAT PENDAPATAN

Pengagihan sedikit kekayaan daripada individu berkemampuan kepada asnaf yang berhak dan berkelayakan melalui zakat merupakan satu mekanisme bagi menjaga hak sosial antara manusia dan dalam masa yang sama membersihkan harta yang diperoleh. Sepatutnya individu muslim yang memahami konsep harta ini pastinya dapat mengiktiraf bahawa harta yang diperoleh tidak bersifat mutlak miliknya, sebaliknya mengandungi hak orang lain secara bersama-sama.

Terdapat banyak kajian yang mengkaji berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pematuhan zakat. Pematuhan zakat menjadi isu yang penting apabila didapati pematuhan masih rendah dalam kalangan individu muslim di dalam pembayaran zakat pendapatan (Noor Hashimah & Amizawati, 2018). Terdapat hanya 4.2% muslim yang melaksanakan tanggungjawab membayar zakat di Wilayah Persekutuan (Mohd Ali et al., 2004). Kamil (2005) dan Harunizam (2005) juga mendapati keputusan yang sama di negeri sebelah utara. Hanya 35% muslim di setiap negeri membayar zakat pendapatan di Kedah dan Perlis. Walaupun terdapat peningkatan dari segi kutipan zakat setiap tahun, kajian lepas menunjukkan relatif pematuhan zakat dalam kalangan muslim di Malaysia masih rendah.

Raedah, Noormala dan Marziana (2011) mengatakan jumlah kutipan zakat pendapatan masih jauh rendahnya berbanding jumlah kutipan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Nur Barizah & Hafiz

(2010) merumuskan hanya 33% daripada jumlah pembayar cukai di IIUM membayar zakat pendapatan. Manakala kajian Farah Mastura & Zainol (2013) merumuskan hanya 56% daripada responden yang bekerja di sektor awam di Kedah membayar zakat. Ini menunjukkan pematuhan zakat masih rendah di Malaysia dan tindakan yang lebih produktif perlu dijalankan bagi meningkatkan lagi kutipan zakat pada masa hadapan.

Dalam Laporan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 22 Jun 1997 telah menyatakan bahawa zakat pendapatan adalah wajib kepada mereka yang layak mengeluarkan zakat mengikut syarat-syarat tertentu. Meskipun Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan ini telah menyatakan bahawa mengeluarkan zakat pendapatan adalah wajib tetapi masih terdapat sebilangan kecil kakitangan awam dan swasta yang kurang patuh untuk membayar zakat pendapatan.

Kamil (2003) menyatakan bahawa undang-undang dan penguatkuasaan zakat amat perlu untuk menentukan gelagat. Di samping memberi kemudahan prasarana untuk membayar zakat, akta zakat perlu diadakan bagi menguatkuaskan peraturan zakat kerana dengan adanya penguatkuasaan tersebut individu akan bertambah komited untuk membayar zakat.

Ram Al Jaffri (2010) pula telah menumpukan kajiannya terhadap faktor-faktor yang boleh mempengaruhi terhadap gelagat zakat perniagaan dalam kalangan para peniaga di negeri Kedah Darulaman. Ini disebabkan beliau mendapati bahawa faktor utama yang menyumbang kepada kurangnya kutipan zakat perniagaan di seluruh Negara adalah berpunca daripada gelagat pengeluar zakat perniagaan yang berada di tahap yang rendah.


## METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan (borang soal selidik). Sampel kajian adalah seramai 141 orang responden yang terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam di Kedah. Cara pemilihan responden dibuat dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah di mana sampel dipilih itu juga diyakini mempunyai ciri-ciri kewakilan (*representativeness*) yang terdapat pada populasi tersebut. Instrumen dalam kajian ini telah diambil daripada kajian-kajian Aidit, 1998; Mohd Ali et al., 2004; Farah Mastura & Zainol, 2015) serta hasil temu bual dengan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Dakwah dan Kutipan LZNK iaitu Faisal Mustaffa dan diadaptasikan mengikut kesesuaian kajian. Pemprosesan data dilakukan dengan menggunakan perisian SPSS 23.0 yang menggunakan kaedah deskriptif untuk melihat kekerapan dan peratusan secara keseluruhan.

## HASIL KAJIAN

Berdasarkan kepada data mentah yang diperoleh, hasil kajian di Graf Bar 1 menunjukkan secara keseluruhan iaitu 91 peratus atau 128 responden menyatakan tahap sederhana iaitu tidak pasti sama ada perlu mematuhi kewajipan zakat pendapatan atau sebaliknya.

**Graf Bar 1:** Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut gelagat tentang kewajipan zakat pendapatan (n=141)



Berdasarkan kepada item-item yang terdapat dalam boleh ubah gelagat ini (Lihat Jadual 1), bagi item *Saya membenarkan pihak berwajib melakukan potongan zakat pendapatan terhadap pendapatan bulanan saya* menunjukkan majoritinya iaitu sebanyak 90 peratus atau 127 responden menyatakan tahap yang tinggi iaitu menyokong pernyataan tersebut. Namun dari segi gelagat berkaitan *Saya tidak termasuk dalam kalangan orang yang layak mengeluarkan zakat pendapatan* menunjukkan 73 peratus atau 102 responden menyatakan tahap rendah iaitu tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Sebanyak 50 peratus atau 70 responden menyatakan tahap sederhana (tidak pasti) dari segi item *Zakat pendapatan bercanggah dengan mazhab syafie*. Responden juga menyatakan tahap yang tinggi (bersetuju) terhadap item *Potongan gaji secara bulanan untuk zakat pendapatan saya dilakukan secara sukarela* di mana sebanyak 92 peratus atau 130 responden menyatakan sedemikian.

Dari segi *Saya tidak yakin dengan pengurusan agihan yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)* menunjukkan majoritinya iaitu sebanyak 80 peratus atau 113 responden menyatakan tahap rendah iaitu tidak yakin dengan pernyataan tersebut. Dalam aspek *Kerajaan perlu mengambil tindakan tegas dengan memastikan golongan yang layak mengeluarkan zakat pendapatan* menunjukkan majoriti responden iaitu sebanyak 90 peratus atau 127 responden menyatakan tahap yang tinggi iaitu bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Manakala dari *Mengeluarkan zakat pendapatan juga mencerminkan tahap ketaatan seseorang kepada Allah*, menunjukkan majoritinya iaitu sebanyak 96 peratus atau 135 responden bersetuju dengan pernyataan item tersebut. Item *Saya tidak beramal dengan mazhab lain selain mazhab Syafie* menunjukkan kebanyakannya iaitu sebanyak 69 peratus atau 97 responden menyatakan hanya beramal mengikut mazhab Syafie

Bagi aspek *Saya lebih suka memotong cukai pendapatan berbanding dengan zakat pendapatan* menunjukkan majoritinya iaitu sebanyak 85 peratus atau 120 responden lebih patuh atau suka kepada pemotongan zakat pendapatan berbanding cukai pendapatan.

Akhir sekali, kebanyakan responden iaitu sebanyak 57 peratus atau 81 responden tidak bersetuju dengan *Pendapatan saya tidak mencapai tahap nisab wajib zakat pendapatan*.

**Jadual 1:** Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Item  
 Gelagat tentang Kewajipan Zakat Pendapatan (n=141)

Item	Rendah		Sederhana		Tinggi	
	f	%	f	%	f	%
1. Saya membenarkan pihak berwajib melakukan potongan zakat pendapatan terhadap pendapatan bulanan saya.	10	7	4	3	127	90
2. Saya tidak termasuk dalam kalangan orang yang layak mengeluarkan zakat pendapatan.	102	73	20	14	19	13
3. Zakat pendapatan bercanggah dengan mazhab syafie.	34	24	70	50	37	26
4. Potongan gaji secara bulanan untuk zakat pendapatan saya dilakukan secara sukarela.	9	6	2	1	130	92
5. Saya tidak yakin dengan pengurusan agihan yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK).	113	80	13	9	15	11
6. Kerajaan perlu mengambil tindakan tegas dengan memastikan golongan yang layak mengeluarkan zakat pendapatan.	8	6	6	4	127	90
7. Mengeluarkan zakat pendapatan juga mencerminkan tahap ketaatan seseorang kepada Allah.	5	4	1	1	135	96
8. Saya tidak beramal dengan mazhab lain selain mazhab Syafie.	36	26	8	6	97	69
9. Saya lebih suka memotong cukai pendapatan berbanding dengan zakat pendapatan.	120	85	12	9	9	6
10. Pendapatan saya tidak mencapai tahap nisab wajib zakat pendapatan.	81	57	38	27	22	16

## PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Berdasarkan kepada hasil kajian, dapatlah dibincangkan bahawa gelagat tentang kewajipan membayar zakat pendapatan, menunjukkan majoriti guru-guru tidak pasti sama ada perlu mematuhi kewajipan zakat pendapatan atau sebaliknya (tahap sederhana). Hasil kajian ini tidak menyokong kajian yang dilakukan oleh Noor Hashimah dan Amizawati (2018), Farah Mastura dan Zainol (2013), Raedah dan Noormala (2011), Mohd Ali et al. (2004) dan Laporan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (1997) yang menunjukkan gelagat membayar zakat pendapatan dalam kalangan pekerja di Malaysia berada pada tahap yang rendah. Ini menunjukkan sikap dan persepsi tentang pengetahuan agama mempengaruhi gelagat seseorang itu dalam mengeluarkan zakat pendapatan walaupun menunjukkan tahap yang sederhana. Seperti mana menurut Muhammad Norazam, Adam dan Mohamad Firdaus (2019), sikap dan persepsi yang positif terhadap zakat akan memberi kesan positif terhadap gelagat membayar zakat. Ini kerana persepsi dan keimanan saling mempengaruhi dan mempunyai kesan terhadap ketaatan dan gelagat membayar zakat pendapatan. Begitu juga menurut Eza Ellany (2011) pematuhan dalam membayar zakat sangat bergantung kepada tahap kepercayaan individu itu terhadap pengajaran agamanya.

Berdasarkan kepada dapatan ini antara cadangan yang perlu ditekankan adalah pihak autoriti terutamanya para ilmuwan agamawan perlulah memberi penekanan seperti memberi ceramah, forum dan kaedah-kaedah lain lagi kepada guru terutamanya dalam menghitung pendapatan sebenar dalam pengiraan zakat pendapatan yang perlu dibayar.

## KESIMPULAN

Setelah melakukan analisis terhadap gelagat membayar zakat pendapatan tersebut, hasil kajian jelas menunjukkan bahawa ia berada pada tahap yang sederhana. Antara punca utama adalah disebabkan mereka tidak menaruh keyakinan kepada LZNK dalam mengurus tadbir berkaitan dengan kutipan zakat dan pengagihannya. Di samping golongan ini berpegang kuat kepada pandangan mazhab Syafie yang tidak mewajibkannya. Oleh itu pihak berautoriti perlu memberikan lebih penerangan berkaitan zakat pendapatan bagi memastikan pemilikan harta individu lebih bersih serta meningkatkan keadilan dalam agihan kekayaan. Ini kerana zakat pendapatan merupakan satu ibadah yang banyak memberi ganjaran kepada manusia.

## RUJUKAN

- Eza Ellany Abdul Lateff & Mohd Rizal Palil. (2011) “Faktor-Faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan di Malaysia”, Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Transformasi ke Arah Peningkatan Inovasi, Produktiviti dan Kualiti Hidup. (hlm 148-159). Melaka: Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI).
- Farah Mastura Noor Azman & Zainol Bidin, 2015. Factors Influencing Zakat Compliance Behavior on Saving. *International Journal Of Business and Social Research*, 5, 13-16.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader (2009). Pengagihan zakat oleh Institusi zakat di Malaysia: Mengapakah Masyarakat Islam Tidak Berpuashati? *Jurnal Syariah*, 17 (1), 89-112.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2001). *Panduan zakat penggajian*, Jakim: Kuala Lumpur. Atas talian <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri>.
- Kamil Md. Idris (2003). Kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasan zakat terhadap gelagat gelagat zakat pendapatan gaji. *Kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Pakar Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Mohd Ali Mohd Noor, Hairunizam Wahid & Nor Ghani Md Nor. (2004). Kesedaran membayar zakat pendapatan kakitangan profesional Universiti Kebangsaan Malaysia, *Islamiyyat* 26(2), 59-68.
- Muhammad Norazam Nordin, Adam Badhrulhisham & Mohamad Firdaus Mohd Isa (2019). Pengetahuan umum pembayar zakat: suatu tinjauan di negeri Melaka. *Jurnal Maw'izah*, 2, 61-70.
- Noor Hashimah Mohd Shafie & Amizawati Mohd Amir (2018). Kesan faktor individu dan faktor persekitaran terhadap pematuhan zakat pendapatan. *International Journal of Business, Economics and Law*, Vol. 15, Issue 3
- Nur Barizah Abu Bakar & Hafiz Majdi Abdul Rashid, 2010. Motivation of Paying Zakat on Income: Evidence from Malaysia. *International Journal of Economics and Finance*, 2 (3), 26-28.
- Raedah, Noormala & Marziana (2011). Kajian terhadap Zakat Penggajian: Faktor yang Mempengaruhi Akademik dalam Niat Pembayaran Zakat. *2nd International Conference of Business and Economic Research (2nd ICBER 2011) Proceeding*. 2492-2507.
- Ram Al Jaffri Saad, (2010) *Gelagat gelagat zakat perniagaan di Negeri Kedah Darulaman*. PhD. thesis, Universiti Utara Malaysia.